

KECENDERUNGAN, PERSONALITI, KOMPETENSI & EKSPEKTASI BELIA MASA KINI

Saridan Abu Bakar

Kemajuan dan kelestarian masa hadapan amat bergantung kepada kualiti generasi belia pada hari ini. Menyentuh aspek kemajuan dan kelestarian masa hadapan ekonomi, politik dan sosial pula, golongan belia juga dilihat akan menjadi pemangkinnya. Di Malaysia, belia adalah populasi terbesar negara yang akan mewarisi pucuk pimpinan negara pada masa akan datang. Golongan belia berperanan sebagai penyumbang kepada pembangunan negara melalui pengisian tenaga kerja serta bertindak sebagai tulang belakang sesebuah negara membangun. Ini kerana belia sering dikaitkan dengan kekuatan fizikal, ketajaman dan kesungguhan untuk mencuba sesuatu bidang yang mereka minati.

Justeru, perubahan zaman pada masa kini turut membawa perubahan terhadap kecenderungan dan minat generasi belia terhadap sesuatu bidang. Generasi belia Malaysia sekarang merupakan Generasi Y yang selalu dikaitkan dengan kreativiti, inovatif dan dinamik. Persepsi mereka terhadap sesuatu perkara banyak dipengaruhi oleh gaya hidup semasa yang global disebabkan oleh kemudahan untuk mencapai segala bentuk maklumat yang sangat luas dan mudah diperolehi.

Kadaan ini menyebabkan kebanyakan belia pada masa kini lebih gemar bergiat di dalam bidang yang memenuhi kecenderungan, minat serta hobi mereka tanpa terikat dengan sebarang formaliti atau protokol. Dalam pada itu, terdapat juga faktor kognitif, motivasi dan aktiviti promosi yang turut menyumbang kepada kecenderungan seseorang belia untuk membuat pilihan.

Kecenderungan seseorang individu akan membentuk personaliti individu tersebut. Kecenderungan dan personaliti ini berikutnya akan mendorong seseorang individu untuk memperoleh pengetahuan atau kemahiran yang sesuai bagi membangun serta mengasah kompetensi diri. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan cita-cita mereka, belia masa kini mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap persekitaran mereka. Ekspektasi persekitaran perlu seiring dengan kecenderungan, personaliti serta kompetensi belia berkenaan.

Kajian yang pernah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada tahun 2011 mendapati terdapat beberapa perkara utama yang diperlukan belia masa kini iaitu pekerjaan, rumah, kewangan, pendidikan dan pengangkutan (Indeks Belia Malaysia, 2011). Rumusan kajian tersebut menunjukkan kecenderungan belia lebih kepada aspek ekonomi.

Bab ini akan memberi fokus kepada kelestarian belia masa kini yang merangkumi domain kecenderungan, personaliti, kompetensi dan ekspektasi. Belia pula merujuk kepada semua individu warga Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun pada tahun 2015. Kajian dijalankan secara rentasan masa mulai bulan September hingga Disember 2015. Terdapat dua objektif utama kajian iaitu: 1) Untuk mengukur tahap kecenderungan, personaliti, kompetensi dan ekspektasi belia masa kini; dan 2) Mengenal pasti ketepatan tahap kecenderungan, personaliti, kompetensi dan ekspektasi agar selari dengan Dasar Belia Malaysia.

Dapatan kajian dalam bab ini juga dijangka dapat membantu pihak berkepentingan menghasilkan pelan strategik dan tindakan di dalam merangka program pembangunan belia Malaysia di masa akan datang. Ini kerana kajian ini menyediakan input serta cadangan program yang mempunyai keselarasan dengan kecenderungan, personaliti, kompetensi dan ekspektasi belia serta keperluan negara masa kini dan akan datang. Keduanya kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam menyokong pelaksanaan bentuk aktiviti atau program yang di saran dalam Dasar Belia Malaysia yang akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2018.

Pembangunan Domain Kelestarian Belia Masa Kini

Kelestarian merujuk kepada keupayaan untuk bertahan dan kekal produktif untuk selama-lamanya. Kelestarian dan kemajuan sesebuah negara masa kini; sama ada daripada aspek ekonomi, politik ataupun sosial amat bergantung kepada kualiti belia yang ada sekarang dan bakal mewarisi pucuk pimpinan negara pada masa akan datang. Golongan belia dilihat akan terus berfungsi sebagai penyumbang kepada pembangunan negara melalui sumbangan tenaga kerja yang bertindak sebagai tulang belakang sesebuah negara. Oleh yang demikian, kelestarian negara di masa hadapan amat bergantung kepada belia yang ada pada hari ini.

Kelestarian belia masa kini mengkaji kecenderungan yang wujud di dalam diri individu belia Malaysia dan seterusnya membentuk personaliti mereka. Kecenderungan dan personaliti ini seterusnya akan mendorong seseorang individu belia itu memperoleh pengetahuan dan kemahiran bersesuaian untuk membangun atau mengasah kompetensi diri. Justeru, bagi merealisasikan cita-cita mereka, belia masa kini mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap persekitaran mereka. Ekspektasi persekitaran perlu seiring dengan kecenderungan, personaliti serta kompetensi belia bagi menjamin kelestarian negara di masa hadapan. Bab ini memberi tumpuan kepada empat domain kelestarian iaitu: Kecenderungan, Personaliti, Kompetensi, dan Ekspektasi.

Kecenderungan didefinisikan sebagai apa-apa yang diminati atau disukai dan sebagai kemahuan serta kesukaan terhadap sesuatu. Dalam konteks kajian ini, kecenderungan golongan belia diukur melalui ujian kecenderungan minat kerjaya yang dibangunkan oleh Holland Codes (Holland, 1963). Ujian ini bertujuan memberi pendedahan kepada golongan belia terhadap kecenderungan kerjaya masing-masing dengan enam fokus utama iaitu: Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising atau Politik, dan Konvensional

Domain Personaliti


Personaliti atau keperibadian merupakan himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik. Personaliti seseorang individu berkait rapat dengan tindak tanduk seseorang dan dizahirkan melalui ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran seseorang. Dapatan ini akan menunjukkan personaliti golongan belia masa kini. Kajian ini menyenaraikan lima dimensi utama Domain Personaliti iaitu: Patriotism, Religiositi, Kejujuran, Ketegasan, dan Kebebasan.

Domain Kompetensi

Kompetensi merupakan modal insan yang merangkumi pendidikan, pengalaman, latihan dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu belia. Kompetensi menentukan sama ada belia memiliki kebolehan yang sesuai atau tidak dengan sesuatu kerjaya. Kajian mencadangkan agar belia masa kini terus berusaha untuk memperoleh kompetensi yang bersesuaian dengan kecenderungan dan personaliti mereka. Memiliki kompetensi yang sesuai dengan sesuatu bidang kerjaya didapati banyak menyumbang kepada kejayaan seseorang dengan kerjaya yang diceburi mereka. Domain kompetensi kajian ini mengandungi enam dimensi iaitu: Kebijaksanaan, Jaringan, Karisma, Inovatif, dan Menguasai cabaran.

Ekspektasi belia masa kini merupakan domain terakhir di dalam kajian ini yang dibentuk melalui perbincangan kumpulan berfokus dengan kumpulan belia pelbagai latar belakang. Secara umumnya, belia Malaysia menyatakan harapan mereka supaya belia diberi kebebasan untuk berpolitik, mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian, stabil daripada aspek kewangan, berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, mendapat pekerjaan yang serasi dengan minat mereka, mendapat pengiktirahan sebagai seorang belia, serta keselamatan yang terjamin. Ringkasan pembangunan domain kelestarian belia masa kini ditunjukkan di dalam Rajah 1 berikut.

Rajah 1: Domain Kelestarian Belia Masa Kini



Sumber: Kajian Semasa

KAEDAH

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui survei terhadap 6,454 responden belia dengan menggunakan borang soal selidik. Keseluruhannya, kajian dilaksanakan secara rentasan masa bermula pada bulan September hingga Disember 2015. Kajian melibatkan golongan belia warganegara Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun pada tahun 2015. Jumlah belia di Malaysia adalah seramai 13.88 juta yang mewakili 45.8% daripada 30.26 juta penduduk Malaysia (Jabatan Statistik Malaysia, 2014). Kaedah persampelan berstrata mengikut negeri dipilih bagi memastikan populasi

sasaran mendapat peluang yang sama untuk dipilih. Berdasarkan kepada saranan Krejcie dan Morgan (1970), seramai 4,800 responden telah disasarkan bagi kajian ini. Seterusnya, untuk memastikan semua bangsa terlibat sebagai responden, nisbah 5:3:2:1 telah ditetapkan mengikut kategori Bumiputera, Cina, India dan lain-lain di Malaysia. Oleh yang demikian, bilangan responden mengikut kaum bagi kajian ini disasarkan seperti berikut: Bumiputera: (2,200 responden); Cina: (1,300 responden); India: (900 responden); dan Lain-lain: 450 responden. Oleh itu, kajian ini mensasarkan bilangan responden sebanyak 4,800. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, seramai 6,454 responden telah mengambil bahagian di dalam kajian ini. Responden juga disasarkan bagi setiap negeri di Malaysia mengikut strata seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Persampelan Kajian mengikut Negeri

Negeri	Bilangan	Negeri	Bilangan
Perlis	150	Kuala Lumpur & Putrajaya	550
Kedah	350	Perak	350
Pulau Pinang	300	Kelantan	350
Negeri Sembilan	250	Terengganu	350
Melaka	300	Pahang	350
Johor	450	Sabah	250
Selangor	550	Sarawak	250
Jumlah 4800 responden			

Borang soal selidik telah dibangunkan berasaskan tinjauan literatur dan diperkukuhkan dengan perbincangan bersemuka secara kumpulan berfokus yang melibatkan belia dari pelbagai latar belakang. Seterusnya, kajian rintis secara interaktif telah dijalankan bagi memastikan penggunaan perkataan dan pernyataan setiap item jelas maksudnya dan relevan kepada responden. Pembangunan borang soal selidik ini turut dibantu oleh IYRES. Borang soal selidik yang dibangunkan mengandungi 6 Bahagian iaitu: Bahagian A: Profil Diri; Bahagian B: Kecenderungan; Bahagian C: Personaliti; Bahagian D: Kompetensi; Bahagian E: Ekspektasi; dan Bahagian F: Peluang dan Kemudahan Bersukan.

Pengumpulan data dilakukan oleh enumerator yang dilatih oleh penyelidik. Mereka dibekalkan dengan manual pengumpulan data sebagai panduan. Aktiviti ini melibatkan 35 orang enumerator dan 20 orang pegawai penyelaras yang terdiri daripada pensyarah UiTM di setiap cawangan di seluruh negara.

HASIL DAPATAN

Kajian melibatkan seluruh belia di Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun. Secara keseluruhannya, responden dari Negeri Johor yang paling ramai iaitu seramai 965 (15%) daripada keseluruhan 6,454 orang responden. Paling sedikit adalah responden dari Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 1 responden. Bilangan responden yang dinyatakan di sini adalah berdasarkan kepada belia yang mengambil bahagian dan memenuhi semua maklumat penting di dalam borang soal selidik. Jadual 2 berikut menunjukkan taburan responden kajian mengikut negeri.

Jadual 2: Responden mengikut Negeri

Negeri	Bilangan	Peratus	Negeri	Bilangan	Peratus
Johor	965	15.0	Perak	776	12.0
Kedah	895	13.9	Perlis	38	0.6
Kelantan	159	2.5	Pulau Pinang	563	8.7
Kuala Lumpur	307	4.8	Putrajaya	9	0.1
Labuan	1	.0	Sabah	193	3.0
Melaka	434	6.7	Sarawak	368	5.7
Negeri Sembilan	511	7.9	Selangor	874	13.5
Pahang	196	3.0	Terengganu	165	2.6
Jumlah 6,454 (100%)					

Lebih daripada separuh responden terdiri daripada golongan wanita. Secara keseluruhannya, 3,919 responden adalah wanita. Bilangan ini mewakili 60.7% daripada keseluruhan responden. Lelaki pula mewakili 39.3% responden iaitu seramai 2,535 responden. Secara umumnya, responden wanita juga melebihi jumlah responden lelaki di setiap negeri. Responden Melayu adalah majoriti iaitu sebanyak 3,477 (53.9%) berbanding dengan lain-lain bangsa. Bangsa Cina pula merupakan responden yang kedua ramainya, diikuti oleh responden berbangsa India, Kadazan, Iban dan lain-lain.

Seterusnya Jadual 3 pula menunjukkan taburan responden mengikut bangsa dan negeri. Secara umumnya, bilangan responden Malayu, Cina dan India didapati agak sekata di kebanyakan negeri Semenanjung Malaysia seperti Johor, Kedah, Kelantan dan Perak. Bilangan responden Kadazan, Iban dan lain-lain jelas lebih ramai di negeri Sabah dan Sarawak. Seramai 3,445 ataupun 53.4% responden tinggal di bandar, manakala 3,009 responden (46.6%) tinggal di kawasan luar bandar.

Jadual 3: Responden mengikut Bangsa dan Negeri

	Melayu	Cina	India	Kadazan	Iban	Lain-Lain
Johor	656	192	116	0	0	1
Kedah	518	247	121	0	1	8
Kelantan	96	41	22	0	0	0
Kuala Lumpur	182	69	56	0	0	0
Labuan	0	0	0	1	0	0
Melaka	322	60	52	0	0	0
Negeri Sembilan	349	88	74	0	0	0
Pahang	65	72	59	0	0	0
Perak	118	455	203	0	0	0
Perlis	27	6	5	0	0	0
Pulau Pinang	361	134	65	0	1	2
Putrajaya	7	2	0	0	0	0
Sabah	9	14	6	114	14	36
Sarawak	20	21	4	1	279	43
Selangor	637	134	89	3	4	7
Terengganu	110	32	23	0	0	0
Jumlah	3,477	1,567	895	119	299	97
Peratus	53.9	24.3	13.9	1.8	4.6	1.5

Kelestarian belia masa kini meliputi empat domain iaitu: Kecenderungan, Personaliti, Kompetensi, dan Ekspektasi. Kajian ini mentafsirkan bahawa kecenderungan yang wujud di dalam diri setiap individu akan membentuk personaliti mereka. Gabungan kompetensi dan personaliti ini seterusnya akan mendorong seseorang individu untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang sesuai bagi membangunkan kompetensi diri. Seterusnya, bagi merealisasikan harapan tersebut, golongan belia perlu menanamkan ekspektasi terhadap persekitaran mereka. Justeru, ekspektasi persekitaran perlu selari dengan kompetensi dan personaliti belia bagi menjamin kelestarian belia masa kini. Secara ringkasnya, keempat-empat domain kelestarian belia masa kini di dalam Rajah 2 berikut:

Rajah 2: Ringkasan Domain Kelestarian Belia Masa Kini



Sumber: Kajian Semasa

Domain Kecenderungan

Dapatan kajian menunjukkan responden secara keseluruhannya lebih cenderung kepada dimensi Enterprising dan Politik. Jadual 4 menunjukkan skor bagi Dimensi Enterprising dan Politik berada pada tahap yang tinggi (tahap 4).

Jadual 4: Skor Domain Kecenderungan

	Bilangan	Peratus	Skor	Tahap
Realistik	2,152	33.3	2	Rendah
Investigatif	2,602	40.3	2	Rendah
Artristik	2,436	37.7	3	Sederhana
Sosial	1,878	29.1	3	Sederhana
Enterprising	2,994	46.4	4	Tinggi
Konvensional	1,805	28.0	2	Rendah
Politik	2,100	32.5	4	Tinggi

Jadual 4 juga mempamerkan skor bagi lain-lain dimensi berada pada tahap sederhana dan rendah. Dimensi Realistik dan Sosial berada pada tahap 3, iaitu dengan skor sederhana; manakala Dimensi Realistik, Investigatif dan Konvensional pula berada pada tahap 2, iaitu pada skor rendah.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa belia masa kini lebih cenderung kepada kerjaya yang lebih mencabar dan berdikari. Belia masa kini dilihat lebih ekstrovet dan cenderung kepada kerjaya yang memerlukan mereka bekerja serta berinteraksi dengan orang lain.

Belia masa kini juga dilihat mempunyai tingkat kawalan dalaman yang lebih tinggi selain mampu menghadapi persekitaran dengan lebih yakin. Mereka memperlihatkan ciri-ciri memujuk yang baik serta bijak berbahasa. Mereka juga lebih berminat untuk mempengaruhi orang lain dengan menjadi pemimpin ke atas orang lain. Seterusnya, golongan Enterprising dan Politik ini juga mempunyai matlamat untuk mencapai keuntungan kepada organisasi atau diri masing-masing. Individu yang berkecenderungan Enterprising dan Politik ini juga dilihat mempunyai potensi menjadi usahawan.

Jadual 5 hingga 11 berikut menunjukkan perincian skor bagi Domain Kecenderungan yang meliputi tujuh dimensi, iaitu: Realistik; Investigatif; Artistik; Sosial; Enterprising; Politik; dan Konvensional.

Skor dimensi Realistik yang ditunjukkan di dalam Jadual 5 di bawah menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,023 atau 33.3% mencapai tahap yang rendah bagi dimensi Realistik. 2,023 responden (31.3%) berikutnya menunjukkan tahap sederhana. Manakala, hanya 195 responden sahaja, iaitu sebanyak 3% mencapai tahap sangat tinggi.

Jadual 5: Skor Realistik

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	1,107	17.2
Rendah	2,152	33.3
Sederhana	2,023	31.3
Tinggi	977	15.1
Sangat Tinggi	195	3.0
Jumlah	6,454	100.0

Jadual 6 di bawah juga menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,602 atau 40.3% mencapai tahap yang rendah bagi dimensi Investigatif. Berikutnya, 1,933 responden (30%) menunjukkan tahap sederhana. Hanya 47 responden sahaja, iaitu sebanyak 0.7% yang mencapai tahap sangat tinggi.

Jadual 6: Skor Investigatif

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	1,292	20.0
Rendah	2,602	40.3
Sederhana	1,933	30.0
Tinggi	580	9.0
Sangat Tinggi	47	0.7
Jumlah	6,454	100.0

Seterusnya, Jadual 7 berikut menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,436 atau 37.7% mencapai tahap sederhana bagi dimensi Artistik. 1,933 responden yang lain, ataupun sebanyak 35.1% yang lain menunjukkan tahap rendah. 142 responden sahaja (2.2%) yang mencapai tahap sangat tinggi.

Jadual 7: Skor Artistik

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	592	9.2
Rendah	2,264	35.1
Sederhana	2,436	37.7
Tinggi	1,020	15.8
Sangat Tinggi	142	2.2
Jumlah	6,454	100.0

Jadual 8 di bawah pula menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 1,878 (39.1%) mencapai tahap sederhana bagi dimensi Sosial. Walau bagaimanapun, 1,767 responden yang lain, iaitu sebanyak 27.4% mencapai tahap yang tinggi. 15% responden lagi iaitu seramai 967 menunjukkan tahap sangat tinggi.

Jadual 8: Skor Sosial

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	829	12.8
Rendah	1,013	15.7
Sederhana	1,878	29.1
Tinggi	1,767	27.4
Sangat Tinggi	967	15.0
Jumlah	6,454	100.0

Seterusnya, Jadual 9 berikut menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,994 atau 46.4% mencapai tahap tinggi bagi dimensi Enterprising. 1,264 responden berikutnya, iaitu sebanyak 19.6% lagi menunjukkan tahap sederhana. 757 responden yang lain iaitu sebanyak 11.7% lagi mencapai tahap sangat tinggi.

Jadual 9: Skor Enterprising

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	418	6.5
Rendah	1,021	15.8
Sederhana	1,264	19.6
Tinggi	2,994	46.4
Sangat Tinggi	757	11.7
Jumlah	6,454	100.0

Jadual 10 yang seterusnya menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,100 atau 32.5% mencapai tahap yang tinggi bagi dimensi Politik. 1,898 responden (29.4%) berikutnya menunjukkan tahap sederhana. 748 responden lain, iaitu sebanyak 11.6% menunjukkan tahap pencapaian sangat tinggi.

Jadual 10: Skor Politik

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	529	8.2
Rendah	1,179	18.3
Sederhana	1,898	29.4
Tinggi	2,100	32.5
Sangat Tinggi	748	11.6
Jumlah	6,454	100.0

Akhir sekali, bagi dimensi Konvensional pula, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11 di bawah, majoriti responden, iaitu seramai 1,805 atau 28% menunjukkan tahap yang rendah bagi dimensi Konvensional. Berikutnya, 1,721 responden yang berikutnya, ataupun sebanyak 26.7% yang lain menunjukkan tahap sederhana. Paling sedikit responden, iaitu 548 menunjukkan tahap pencapaian yang sangat tinggi.

Jadual 11: Skor Konvensional

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	1,067	16.5
Rendah	1,805	28.0
Sederhana	1,721	26.7
Tinggi	1,313	20.3
Sangat Tinggi	548	8.5
Jumlah	6,454	100.0

Secara umumnya domain Kecenderungan menunjukkan responden secara keseluruhannya lebih cenderung kepada dimensi Enterprising dan Politik yang berada pada tahap yang tinggi iaitu 4. Dimensi Realistik dan Sosial berada pada tahap sederhana iaitu 3; manakala dimensi Realistik, Investigatif dan Konvensional pula berada pada tahap rendah iaitu 2.

Domain Personaliti

Dapatan kajian menunjukkan responden secara keseluruhannya memiliki personaliti Kejujuran dan Ketegasan yang tinggi, iaitu pada tahap 4. Dimensi Patriotism dan Religiositi didapati pada tahap 3 iaitu sederhana. Manakala dimensi Kebebasan berada pada tahap 2 iaitu rendah. Jadual 12 berikut menunjukkan ringkasan dapatan kajian berkaitan dengan domain Personaliti belia masa kini.

Jadual 12: Personaliti

	Bilangan	Peratus	Skor	Tahap
Patriotism	2,234	34.6	3	Sederhana
Religiositi	2,441	37.8	3	Sederhana
Kejujuran	2,348	36.4	4	Tinggi
Ketegasan	2,332	36.1	4	Tinggi
Kebebasan	2,029	31.4	2	Rendah

Skor dimensi Kejujuran dan Ketegasan yang ditinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12 di atas menunjukkan bahawa belia Malaysia masa kini amat menitikberatkan kepada nilai-nilai mulia iaitu Kejujuran dan Ketegasan. Ini merupakan sedikit sebanyak kesan daripada daripada sistem pembelajaran yang ditempuhi mereka memandangkan semua responden pernah mengikuti pengajian formal sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Perincian skor bagi setiap dimensi Personaliti belia ini ditunjukkan di dalam Jadual 13 hingga 17 berikut.

Jadual 13 di bawah menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,234 (34.6%) mencapai tahap sederhana bagi dimensi Patriotism. Walau bagaimanapun, 1,940 responden yang lain, iaitu sebanyak 30.1% mencapai tahap tinggi. Paling sedikit, iaitu sebanyak 9.9% responden ataupun seramai 636 menunjukkan tahap sangat tinggi bagi dimensi Patriotism.

Jadual 13: Skor Patriotism

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	421	6.5
Rendah	1,223	18.9
Sederhana	2,234	34.6
Tinggi	1,940	30.1
Sangat Tinggi	636	9.9
Jumlah	6,454	100.0

Jadual 14 berikut menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,441 ataupun 37.8% turut mencapai tahap sederhana bagi dimensi Religiositi. Berikutnya, seramai 2,116 responden (32.8%) lagi menunjukkan tahap rendah. 204 responden yang lain iaitu sebanyak 11.7% lagi mencapai tahap sangat tinggi.

Jadual 14: Skor Religiositi

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	674	10.4
Rendah	2,116	32.8
Sederhana	2,441	37.8
Tinggi	1,019	15.8
Sangat Tinggi	204	3.2
Jumlah	6,454	100.0

Seterusnya, Jadual 15 pula mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,348 atau 36.4% mencapai tahap tinggi bagi dimensi Kejujuran. 1,777 responden berikutnya, iaitu sebanyak 27.5% lagi menunjukkan tahap yang sederhana. Manakala bilangan responden yang menunjukkan tahap sangat tinggi bagi dimensi Kejujuran adalah seramai 1,190 (18.4%).

Jadual 15: Skor Kejujuran

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	268	4.2
Rendah	871	13.5
Sederhana	1,777	27.5
Tinggi	2,348	36.4
Sangat Tinggi	1,190	18.4
Jumlah	6,454	100.0

Bagi dimensi Ketegasan pula, kajian mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,332 atau 36.1% berada pada tahap tinggi. 1,661 responden seterusnya, iaitu sebanyak 25.7% pula melaporkan berada pada tahap sederhana. Bilangan responden yang menunjukkan tahap sangat tinggi bagi dimensi Kejujuran adalah seramai 1,190 iaitu sebanyak 18.4%.

Jadual 16: Skor Ketegasan

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	400	6.2
Rendah	871	13.5
Sederhana	1,661	25.7
Tinggi	2,332	36.1
Sangat Tinggi	1,190	18.4
Jumlah	6,454	100.0

Akhir sekali, bagi dimensi Kebebasan pula, Jadual 17 di bawah menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu seramai 2,029 ataupun sebanyak 31.4% menunjukkan tahap rendah bagi dimensi Kebebasan. Berikutnya, 1,751 responden yang lain iaitu sebanyak 27.1% yang lain menunjukkan tahap sederhana. Hanya 2% responden, iaitu seramai 129 menunjukkan tahap sangat tinggi.

Jadual 17: Skor Kebebasan

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	1,537	23.8
Rendah	2,029	31.4
Sederhana	1,751	27.1
Tinggi	1,008	15.6
Sangat Tinggi	129	2.0
Jumlah	6,454	100.0

Domain Kompetensi

Kajian ini mendapati skor dimensi Jaringan sebagai tinggi, iaitu dengan tahap 4 berbanding dengan lain-lain dimensi yang mempunyai skor pada tahap Sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa belia masa kini amat aktif berhubung dengan orang lain dalam apa juga situasi. Kesan daripada peningkatan serta kemajuan di dalam aspek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia, landasan untuk belia membuat jaringan juga didapati turut meningkat. Ringkasan dapatan kajian bagi domain Kompetensi ini ditunjukkan di dalam Jadual 18 berikut.

Jadual 18: Skor Domain Kompetensi

	Bilangan	Peratus	Skor	Tahap
Kebijaksanaan	3,209	49.7	3	Sederhana
Jaringan	2,972	46.0	4	Tinggi
Karisma	2,191	33.9	3	Sederhana
Inovatif	2,061	31.9	3	Sederhana
Menguasai Cabaran	2,361	36.6	3	Sederhana

Perincian skor bagi setiap dimensi Kompetensi belia ini ditunjukkan di dalam Jadual 19 hingga 23. Jadual 19 mendapati majoriti responden, iaitu seramai 3,209 (49.7%) berada pada tahap sederhana bagi dimensi Kebijaksanaan. 1,624 responden lagi, iaitu sebanyak 25.2% menunjukkan tahap rendah. Paling sedikit, iaitu sebanyak 1.9% responden ataupun seramai 121 melaporkan berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 19: Skor Kebijaksanaan

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	582	9.0
Rendah	1,624	25.2
Sederhana	3,209	49.7
Tinggi	918	14.2
Sangat Tinggi	121	1.9
Jumlah	6,454	100.0

Seterusnya, Jadual 20 menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,972 atau 46% mencapai tahap tinggi bagi dimensi Jaringan. 1,933 responden berikutnya, iaitu sebanyak 30% lagi menunjukkan tahap sederhana. Manakala bilangan responden yang menunjukkan tahap sangat tinggi bagi dimensi Kejujuran adalah seramai 601 (9.3%).

Jadual 20: Skor Jaringan

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	280	4.3
Rendah	668	10.4
Sederhana	1,933	30.0
Tinggi	2,972	46.0
Sangat Tinggi	601	9.3
Jumlah	6,454	100.0

Bagi dimensi Karisma yang berikutnya pula, kajian mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,191 atau 36.1% berada pada tahap tinggi. 1,661 responden seterusnya, iaitu sebanyak 33.9% melaporkan berada pada tahap sederhana. Bilangan responden yang menunjukkan tahap sangat tinggi bagi dimensi Karisma adalah seramai 717 iaitu sebanyak 11.1%.

Jadual 21: Skor Karisma

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	351	5.4
Rendah	1,232	19.1
Sederhana	2,191	33.9
Tinggi	1,963	30.4
Sangat Tinggi	717	11.1
Jumlah	6,454	100.0

Jadual 22 di bawah mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,061 (31.9%) menunjukkan tahap sederhana bagi dimensi Inovatif. 1,750 responden yang lain, iaitu sebanyak 27.1% berada pada tahap rendah. Manakala paling sedikit responden, iaitu 215 (3.3%) melaporkan berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 22: Skor Inovatif

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	1,000	15.5
Rendah	1,750	27.1
Sederhana	2,061	31.9
Tinggi	1,428	22.1
Sangat Tinggi	215	3.3
Jumlah	6,454	100.0

Akhir sekali, dimensi Menguasai Cabaran mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,361 (36.6%) melaporkan tahap sederhana. Berikutnya, 2,066 responden lagi, iaitu sebanyak 27.1% berada pada tahap rendah. Hanya 338 responden sahaja (5.2%), menunjukkan tahap sangat tinggi. Dapatan bagi dimensi Menguasai Cabaran ini ditunjukkan di dalam Jadual 23 berikut.

Jadual 23: Skor Menguasai Cabaran

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	519	8.0
Rendah	2,066	32.0
Sederhana	2,361	36.6
Tinggi	1,170	18.1
Sangat Tinggi	338	5.2
Jumlah	6,454	100.0

Sebahagian besar belia Malaysia hari ini mereka mempunyai ekspektasi memperoleh pekerjaan selepas menamatkan pengajian kelak. Hampir separuh daripada responden (41.5%), ataupun 2,684 responden mengharapkan kebolehpasaran dalam pasaran pekerjaan sebagai ekspektasi tahap tinggi mereka. Dapatan ini amat berkaitan dengan situasi ekonomi Malaysia sekarang yang digambarkan amat mencabar kepada golongan belia yang belum mendapat pekerjaan.

Dimensi peluang melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi juga turut menjadi ekspektasi belia masa kini. Tidak cukup dengan kelayakan yang telah dikecapi sekarang, majoriti kedua terbesar responden iaitu seramai 2,563 (39.7%) berpendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran adalah ekspektasi tahap tinggi mereka. Kelulusan tinggi sering dikaitkan dengan peluang untuk mendapat kerja yang lebih baik dengan menjanjikan pendapatan yang lumayan. Justeru, dalam pembangunan negara yang rancak sekarang, peluang bekerja dengan pendapatan yang lumayan sememangnya menjadi ekspektasi belia masa kini.

Ketiga, dimensi Kestabilan Kewangan turut menjadi ekspektasi responden di mana sebahagian besar daripada mereka turut memilih Kestabilan Kewangan sebagai ekspektasi mereka. Seramai 2,319 responden, iaitu sebanyak 35.9% menyatakan Kestabilan Kewangan adalah penting buat masa depan mereka.

Responden juga berhasrat untuk memperoleh kerjaya yang serasi dengan minat mereka. Dalam perkara ini, 2,719 responden (42.1%) mempunyai ekspektasi bahawa kerjaya yang bakal diperolehi kelak harus serasi dengan minat mereka. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, skor dimensi Keserasian Kerjaya dengan minat belia masa kini berada pada tahap sederhana.

Kedaaan yang sama juga dapat dilihat terhadap dimensi Pengiktirafan sebagai Seorang Belia. Kajian ini menemukan 2,165 responden (33.5%) yang menaruh harapan terhadap Pengiktirafan sebagai Seorang Belia pada tahap sederhana. Sementara itu, dimensi Kebebasan Berpolitik turut menunjukkan pencapaian pada tahap sederhana. Dalam perkara ini, 2,024 ataupun 31.4% responden mengharapkan kebebasan bagi mereka berpolitik pada tahap sederhana.

Akhir sekali, dimensi Keselamatan yang menunjukkan tahap sangat rendah. Dapatan ini dapat dikaitkan dengan tahap keselamatan negara masa ini yang aman dan tenteram serta jauh daripada sebarang pergolakan atau kekacauan. Belia hari ini dilihat mengambil mudah akan suasana keselamatan persekitaran pada masa ini. Pada pandangan mereka keselamatan bukan sesuatu yang perlu dihiraukan kerana suasana aman hari ini dilihat akan berkekalan. Ringkasan domain Ekspektasi ditunjukkan di dalam Jadual 24 berikut.

Jadual 24: Skor Domain Ekspektasi

	Bilangan	Peratus	Skor	Tahap
Kebebasan Berpolitik	2,024	31.4	3	Sederhana
Kebolehpasaran	2,684	41.6	4	Tinggi
Kestabilan Kewangan	2,319	35.9	4	Tinggi
Peluang Melanjutkan Pengajian	2,563	39.7	4	Tinggi
Keserasian Kerjaya dengan Minat	2,719	42.1	3	Sederhana
Pengiktirafan Sebagai Seorang Belia	2,165	33.5	3	Sederhana
Keselamatan	1,976	30.6	1	Sangat Rendah

Jadual 25 berikut pula menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,024 ataupun sebanyak 31.4% memberikan skor tahap sederhana bagi dimensi Kebebasan Berpolitik. Walau bagaimanapun, 1,893 responden yang lain, iaitu sebanyak 29.3% menunjukkan tahap rendah. Paling sedikit, iaitu sebanyak 1.9% responden ataupun seramai 121 melaporkan berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 25: Skor Kebebasan Berpolitik

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	458	7.1
Rendah	1,420	22.0
Sederhana	2,024	31.4
Tinggi	1,893	29.3
Sangat Tinggi	659	10.2
Jumlah	6,454	100.0

Seterusnya, Jadual 26 menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,684 atau 41.6% mempunyai ekspektasi tahap tinggi bagi dimensi Kebolehpasaran. 1,868 responden lainnya, iaitu sebanyak 28.9% menunjukkan ekspektasi tahap Sederhana. Manakala bilangan responden yang menunjukkan tahap ekspektasi sangat tinggi bagi dimensi Kebolehpasaran adalah seramai 1,104 ataupun 17.1%.

Jadual 26: Skor Kebolehpasaran

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	145	2.2
Rendah	653	10.1
Sederhana	1,868	28.9
Tinggi	2,684	41.6
Sangat Tinggi	1,104	17.1

Jadual 27 di bawah pula menunjukkan majoriti responden juga, iaitu seramai 2,319 (35.9%) menunjukkan tahap ekspektasi yang tinggi juga bagi dimensi Kestabilan Kewangan. 2,108 responden lagi yang lain, iaitu sebanyak 35.9% menunjukkan tahap sederhana. Manakala 18.7% responden lagi melaporkan tahap ekspektasi yang sangat tinggi.

Jadual 27: Skor Kestabilan Kewangan

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	94	1.5
Rendah	729	11.3
Sederhana	2,108	32.7
Tinggi	2,319	35.9
Sangat Tinggi	1,204	18.7
Jumlah	6,454	100.0

Bagi Dimensi Peluang Melanjutkan Pelajaran berikutnya pula, kajian mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,563 atau 39.7% berada pada tahap tinggi. 1,833 responden seterusnya, iaitu sebanyak 33.9% yang lain melaporkan berada pada tahap ekspektasi yang sederhana. Bilangan responden yang menunjukkan tahap ekspektasi sangat tinggi bagi dimensi Peluang Melanjutkan Pelajaran juga tinggi iaitu seramai 1,391 responden (21.6%). Keseluruhan skor bagi dimensi Peluang Melanjutkan Pelajaran ini ditunjukkan di dalam Jadual 28 berikut.

Jadual 28: Skor Peluang Melanjutkan Pelajaran

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	172	2.7
Rendah	495	7.7
Sederhana	1,833	28.4
Tinggi	2,563	39.7
Sangat Tinggi	1,391	21.6
Jumlah	6,454	100.0

Sementara itu, dimensi Keserasian Kerjaya dengan Minat pula, mendapati majoriti responden (2,719) atau 41.1% menunjukkan tahap ekspektasi yang sederhana. 1,912 responden berikutnya, iaitu sebanyak 29.6% lagi mencatatkan tahap ekspektasi yang rendah. Manakala bilangan responden yang menunjukkan tahap ekspektasi sangat tinggi bagi dimensi Keserasian Kerjaya dengan Minat hanya seramai 214 responden, iaitu 3.3% sahaja. Ringkasan skor bagi dimensi Keserasian Kerjaya dengan Minat ini ditunjukkan di Jadual 29.

Jadual 29: Skor Keserasian Kerjaya dengan Minat

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	442	6.8
Rendah	1,912	29.6
Sederhana	2,719	42.1
Tinggi	1,167	18.1
Sangat Tinggi	214	3.3
Jumlah	6,454	100.0

Jadual 30 berikut ini pula menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 2,165 (33.5%) menunjukkan tahap ekspektasi yang sederhana bagi dimensi Pengiktirafan sebagai Seorang Belia. 1,519 responden yang lain, iaitu sebanyak 23.5% menunjukkan tahap ekspektasi yang tinggi, manakala hanya 8.6% responden menunjukkan tahap sangat tinggi.

Jadual 30: Skor Pengiktirafan sebagai Seorang Belia

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	765	11.9
Rendah	1,450	22.5
Sederhana	2,165	33.5
Tinggi	1,519	23.5
Sangat Tinggi	555	8.6
Jumlah	6,454	100.0

Dimensi Keselamatan yang merupakan domain akhir bagi domain Ekspektasi menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 1,976 (30.6%) melaporkan tahap sangat rendah. 1,560 responden berikutnya, iaitu sebanyak 24.2% lagi pada rendah. Hanya 178 responden sahaja (2.8%), menaruh harapan yang sangat tinggi terhadap dimensi Keselamatan. Keseluruhan dapatan kajian bagi dimensi Keselamatan ditunjukkan di Jadual 31 berikut.

Jadual 31: Skor Keselamatan

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	1,976	30.6
Rendah	1,560	24.2
Sederhana	1,475	22.9
Tinggi	1,265	19.6
Sangat Tinggi	178	2.8
Jumlah	6,454	100.0

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kelestarian belia masa kini dibangunkan mengikut empat domain utama iaitu Kecenderungan, Personaliti, Kompetensi dan Ekspektasi. Domain Kecenderungan melibatkan semua yang diminati dan seterusnya menjadi pilihan kerjaya belia masa kini. Domain Kecenderungan mengandungi tujuh dimensi iaitu Realiti, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising, Konvensional dan Politik. Personaliti pula merupakan himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik seseorang individu yang berkait rapat dengan tindak tanduknya. Domain Personaliti mengandungi lima dimensi iaitu Patriotism, Religiositi, Kejujuran, Ketegasan dan Kebebasan.

Sementara itu, domain Kompetensi pula merujuk kepada ciri-ciri terbaik seseorang individu untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan efisien dan efektif. Domain Kompetensi mengandungi lima dimensi iaitu Kebijaksanaan, Jaringan, Karisma, Inovatif dan Menguasai Cabaran. Akhir sekali Domain Ekspektasi menyenaraikan tujuh ekspektasi belia masa kini iaitu Kebebasan Berpolitik, Kebolehpasaran, Kestabilan Kewangan, Peluang Melanjutkan Pelajaran, Keserasian Minat dengan Kerjaya, Pengiktirafan sebagai Seorang Belia dan Keselamatan.

Kajian kuantitatif secara rentasan masa ini melibatkan belia berumur 15 hingga 30 tahun di seluruh Malaysia. Seramai 6,454 responden telah terlibat sebagai responden kajian ini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Dapatan kajian menunjukkan belia masa kini mempunyai kecenderungan yang tinggi di dalam dimensi Enterprising dan Politik; berpersonaliti tinggi; mempunyai kejujuran dan ketegasan; Tinggi dalam aspek jaringan bagi domain Kompetensi; dan juga mempunyai ekspektasi yang tinggi kepada kebolehpasaran, peluang melanjutkan pelajaran serta kestabilan kewangan.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan perkara-perkara berikut:

- Belia yang berpotensi perlu dikenalpasti di peringkat yang paling awal, iaitu di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah supaya dapat dibentuk menjadi warganegara lebih berkesan mengikut kecenderungan dan personaliti masing-masing;
- Guru sekolah rendah dan sekolah menengah perlu dibimbing untuk mengenal pasti pelajar yang berpotensi dan cemerlang mengikut kecenderungan dan personaliti yang dimiliki;
- Ibu bapa juga perlu diberi pendedahan mengenai kaedah terbaik untuk mengenal pasti dan menggilap bakat yang ada pada anak-anak mereka yang cemerlang sejak dari sekolah rendah lagi;
- Pusat penilaian dan kaunseling pelajar yang berpotensi perlu diwujudkan di setiap negeri untuk mengasah dan membentuk bakat belia di masa hadapan. Penilaian dan pembangunan pelajar pintar perlu dilaksanakan secara berkala dan berterusan;
- Insentif khusus kepada pelajar berbakat tinggi ini perlu diwujudkan supaya potensi yang ada tidak disia-siakan. Contohnya seperti kemudahan dan sokongan kewangan untuk mengasah dan mengembangkan lagi bakat yang mereka miliki;
- Lebih banyak kajian secara ilmiah perlu dibuat untuk mengenal pasti kecenderungan dan potensi belia di Malaysia berdasarkan kepada personaliti yang dimiliki mereka.

RUJUKAN

- Anderson, K.J. 1995. The use of a structured career development group to increase career identity: An exploratory study. *Journal of Career Development*, 21, 279-291.
- Brown, W. 1910. Some experimental results in the correlation of mental abilities. *British Journal of Psychology*, 1904- 1920, 3, 296-322.
- Bruyère, S. M., Erickson, W., & VanLooy, S. 2006. Information technology (IT) accessibility: Implications for employment of people with disabilities. *Work*, 27, 397-405.
- Butterworth, J., Hall, A.C., Smith, F.A., Migliore, A., Winsor, J., & Sulewski, J. 2013. State data: The national report on employment services and outcomes. Boston: University of Massachusetts, Boston, Institute for Community Inclusion.
- Carter, E.W., Moss, C.K., Hoffman, A., Chung, Y., & Sisco, L. 2011. Efficacy and social validity of peer support arrangements for adolescents with disabilities. *Exceptional Children*, 78, 107-125.
- Celeste, B. L., Walsh, W B., & Raote, R. G. 1995. Congruence and psychological adjustment for practicing male ministers. *The Career Development Quarterly*, 43, 374-384.
- Centers for Disease Control and Prevention. 2006. Economic costs associated with mental retardation, cerebral palsy, hearing loss, and vision impairment-United States, 2003. *Morbidity and Mortality Weekly Report*, 55, 881.
- Costello, A., & Osborne, J. 2005. Best practices in exploratory factor analysis: Four recommendations for getting the most from your analysis. *Practical Assessment, Research and Evaluation*, 10, 1-9.
- Daston, M., Riehle, J.E., & Rutkowski, S. 2012. High school transition that works! Lessons learned from Project SEARCH. Baltimore: Paul H. Brookes.
- Grandy, T.G., & Stahmann, R.F. 1974a. Family influence on college students' vocational choice: Predicting Holland's personality types. *Journal of College Student Personnel*, 15, 404-409.
- Grandy, T.G., & Stahmann, R.F. 1974b. Types produce types: An examination of personality development using Holland's theory. *Journal of Vocational Behavior*, 5, 231-239.
- Gugiu, C., Coryn, C.L., & Applegate, B. 2010. Structure and measurement properties of the patient assessment of chronic illness care instrument. *Journal of Evaluation in Clinical Practice*, 16, 509-516.
- Gugiu, P.C., Coryn, C., Clark, R., & Kuehn, A. 2009. Development and evaluation of the short version of the patient assessment of chronic illness care instrument. *Chronic Illness*, 5, 268-276.
- Hansen, J.C., & Swanson, J.L. 1983. Stability of interests and the predictive and concurrent validity of the 1981 Strong-Campbell Interest Inventory for college majors. *Journal of Counseling Psychology*, 30, 194-201.
- Harmon, L.W., Hansen, J.C., Borgen, F.H., & Hammer, A.L. 1994. Applications and technical guide to the strong interest inventory. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Hayton, J.C., Allen, D.G., & Scarpello, V. 2004. Factor retention decisions in exploratory factor analysis: A tutorial on parallel analysis. *Organizational Research Methods*, 7, 191-205.

Hendrickson, A.E., & White, P.O. 1964. Promax: A quick method for rotation of oblique simple structure. *British Journal of Statistical Psychology*, 17, 65-70.

Holland, J. L. 1997. *Making vocational choice: A theory of vocational personalities and work environments*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.

Helwig, A.A. 1984. A family case study using Holland types. *American Mental Health Counselors Association Journal*, 6, 88-97.

Holland, J.L. 1963. Exploration of a theory of vocational choice and achievement: A four-year prediction study. *Psychological Reports*, 12, 537-594.

Holland, J.L. 1971. *Counselor's guide for the self directed search*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press, Inc.

Holland, J.L. 1973. *Making vocational choices: A theory of careers*. Old Tappan, NJ: Prentice Hall, Inc.

Holland, J.L., Sorenson, A.B., Clark, J.P., Nafziger, D.H., & Blum, Z.D. 1973. Applying an occupational classification to a representative sample of work histories. *Journal of Applied Psychology*, 58, 34-41.

Holland, J.L. 1975. *Manual for the vocational preference inventory*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.

Holland, J. L. 1985. *The Self-directed Search, professional manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.

Holland, J.L. 1985. *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments*. Old Tappan, NJ: Prentice Hall, Inc.

Holland, J.L. 1992. *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments* (2nd ed.). Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.

Holland, J.L., Fritzche, B.A., & Powell, A.B. 1994. *The Self Directed Search (SDS): Professional user's guide—1994 edition*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc. (a)

Holland, J.L., Fritzche, B.A., & Powell, A.B. 1994. *The Self-Directed Search technical manual—1994 edition*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc. (b)

Holland, J.L., & Holland, J.E. 1997. Distribution of personalities within occupations and fields of study. *Vocational Guidance Quarterly*, 25, 226-231.

Holland, J.L., Johnston, J.A., Asama, F.N., & Polys, S.M. 1993. Validating and using the career beliefs inventory. *Journal of Career Development*, 19(4), 233-244.

Iachan, R. 1984. Measures of agreement for incompletely ranked data. *Educational and Psychological Measurement*, 44, 823-830.

Iachan, R. 1984. A measure of agreement for use with the Holland classification system. *Journal of Vocational Behavior*, 24, 133-141.

Indeks Belia Malaysia. 2011. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

- Isernhagen, S.J. 1992. Functional Capacity Evaluation: Rationale, procedure, utility of the kinesiophysical approach. *Journal of Occupational Rehabilitation*, 2, 157-168.
- Jöreskog, K.G. 1994. On the estimation of polychoric correlations and their asymptotic covariance matrix. *Psychometrika*, 59, 381-389.
- Kilsby, M.S., & Beyer, S. 2002. Enhancing self-determination in job matching in supported employment for people with learning disabilities: An intervention study. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 17, 125-135.
- Kober, R., & Eggleton, I.R. 2005. The effect of different types of employment on quality of life. *Journal of Intellectual Disability Research*, 49, 756-760.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Leung, S.A., Conoley, C.W, Scheel, M.J., & Sonnenberg, R.T. 1992. An examination of the relation between vocational identity, consistency, and differentiation. *Journal of Vocational Behavior*, 40, 95-107.
- Lubinski, D., Benbow, C.P., & Ryan, J. 1995. Stability of vocational interests among the intellectually gifted from adolescence to adulthood: A 15-year longitudinal study. *Journal of Applied Psychology*, 80, 196-200.
- Lucy, W. T. 1976. The stability of Holland's personality types over time. *Journal of College Student Personnel*, 17, 76-79.
- Miller, M.J. 1994. Congruence between parents' and children's three-letter Holland codes. *Psychological Reports*, 74, 1387-1390.
- Morgan, R.L. 2008. Job matching: Development and evaluation of a web-based instrument to assess degree of match among employment preferences. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 29, 29-38.
- Morgan, R.L. 2011. Job matching assessment: Inter-rater reliability of an instrument assessing employment characteristics of young adults with intellectual disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 34, 25-33.
- Mottron, L. 2011. Changing perceptions: The power of autism. *Nature*, 479, 33-35. <http://dx.doi.org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1038/479033a>
- Moody, A. 1983. The compatibility index: Beyond high point codes. *American Mental Health Counselors Association Journal*, 5, 85-89.
- Muthen, L.K., & Muthen, B.O. 2012. *Mplus user's guide* (7th ed.). Los Angeles: Authors.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. 1994. *Psychometric theory*. New York: McGraw-Hill.
- O'Neil, J.M., Magoon, T.M., & Tracey, T.J. 1978. Status of Holland's investigative personality types and their consistency levels seven years later. *Journal of Counseling Psychology*, 25, 530-535.
- Persch, A.C. 2014. The model of systematic job matching. Unpublished doctoral dissertation, The Ohio State University, Columbus.

Petrovski, P., & Gleeson, G. 1997. The relationship between job satisfaction and psychological health in people with an intellectual disability in competitive employment. *Journal of Intellectual and Developmental Disability*, 22, 199-211.

Ross, C.E., & Mirowsky, J. 1995. Does employment affect health? *Journal of Health and Social Behavior*, 36, 230-243.

Schneider, L.J., DeWinne, R.F., & Overton, T.D. 1980. Influence on congruity between parental personalities types on offspring's personality development. *Journal of Counseling Psychology*, 27, 40-43.

Slaney, R.B. 1984. Relation of career indecision to changes in expressed vocational interests. *Journal of Counseling Psychology*, 31, 349-355.

Spearman, C. 1910. Correlation calculated from faulty data. *British Journal of Psychology*, 1904-1920, 3, 271-295.

Strahan, R.F. 1987. Measures of consistency for Holland-type codes. *Journal of Vocational Behavior*, 31, 37-44.

Strong, E.K., Jr. 1931. *Change of interests with age*. Palo Alto, CA: Stanford University Press.

Strong, E.K, Jr. 1935. Permanence of vocational interests. *Journal of Educational Psychology*, 25, 336-344.

Subich, L.M. 1994. Annual review: Practice and research in career counseling and development-1993. *The Career Development Quarterly*, 43, 114-151.

Tabachnick, B.G., & Fidell, L.S. 2000. *Using multivariate statistics*. Boston: Allyn and Bacon.

Wareham, J., & Sonne, T. 2008. Harnessing the power of autism spectrum disorder. *Innovations*, 3, 11-27.

Wehman, P. 2013. *Life beyond the classroom: Transition strategies for young people with disabilities*. Baltimore: Paul H. Brookes.

Wehman, P.H., Schall, C.M., McDonough, J., Kregel, J., Brooke, V., Molinelli, A., Thiss, W. 2014. Competitive employment for youth with autism spectrum disorders: Early results from a randomized clinical trial. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 44, 487-500.

Wehman, P., Schall, C., McDonough, J., Molinelli, A., Riehle, E., Ham, W., & Thiss, W. R. 2013. Project SEARCH for youth with autism spectrum disorders: Increasing competitive employment on transition from high school. *Journal of Positive Behavior Interventions*, 15, 144-155.

Zener, T.B., & Schnuelle, L. 1976. Effects of the self-directed search on high school students. *Journal of Counseling Psychology*, 23, 353-359.